

**SEBUT HARGA DALAM TALIAN**



**DOKUMEN SEBUT HARGA**

**BAGI**

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN  
KEBERSIHAN PERSEKITARAN LAMAN SUKAN MBSJ  
TAMAN UNIVERSITI INDAH, SERI KEMBANGAN,  
SELANGOR DARUL EHSAN**

<b>NO. SEBUT HARGA</b>	<b>MBSJ.KUB.400-5/6/644</b>
<b>TARIKH BUKA</b>	<b>30 SEPTEMBER 2025</b>
<b>TARIKH TUTUP</b>	<b>13 OKTOBER 2025</b>
<b>MASA TUTUP</b>	<b>12.00 TENGAH HARI</b>

**DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA,  
USJ 5, PERSIARAN PERPADUAN,  
47610 SUBANG JAYA,  
SELANGOR DARUL EHSAN.**

[www.mbsj.gov.my](http://www.mbsj.gov.my)

## PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN LAMAN SUKAN MBSJ TAMAN UNIVERSITI INDAH, SERI KEMBANGAN, SELANGOR DARUL EHSAN

MBSJ.KUB.400-5/6/644

BAHAGIAN	BUTIRAN	MUKA SURAT
A	SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER	SS 1 – SS 4
B	SURAT AKUAN PEMBIDA – LAMPIRAN 6	SAP 1 – SAP 2
C	BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL (LAMPIRAN 12)	BP 1
D	SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA (LAMPIRAN 13)	SAS 1
E	ARAHAN KEPADA PETENDER	AKP 1 – AKP 16
F	BORANG SEBUT HARGA	BS 1
G	<i>PREAMBLES</i>	P 1 – P 2
H	RINGKASAN SEBUT HARGA	RS 1
J	SENARAI KUANTITI	SK 1 – SK 4
K	PENENTUAN PERKHIDMATAN	PP 1 – PP 9
L	KADAR DENDA	KD 1
M	PELAN LOKASI / GAMBAR	PLG 1 – PLG 5
N	MAKLUMAT PETENDER	MP 1 – MP 12



## **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

### **BAHAGIAN A**

#### **SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN PETENDER**

## SENARAI SEMAK DAN PERAKUAN SEBUT HARGA/TENDER

### **PERKARA-PERKARA PENTING YANG PERLU DILENGKAPKAN / DILAMPIRKAN KE DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA/TENDER DAN MAKLUMAT PETENDER.**

- 1) Kami telah membaca dengan teliti dan memahami semua arahan yang terkandung di dalam arahan kepada petender termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara seperti di dalam senarai semak bersama-sama dokumen Sebut Harga kami semasa mengemukakan Sebut Harga ini untuk membolehkan MBSJ menilai keupayaan kami untuk melaksanakan kerja yang ditender semasa Penilaian Sebut Harga.
- 2) Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian Sebut Harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan kerja yang ditender. Justeru itu Sebut Harga kami akan hanya dipertimbang untuk di perakukan kepada ahli Jawatankuasa Sebut Harga di setuju terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang ditender, mengikut penilaian MBSJ berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.
- 3) Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen yang berkaitan bagi menyokong maklumat tertentu, sebelum Sebut Harga ditutup. Maklumat dan dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan di pertimbangkan didalam penilaian keupayaan kami.
- 4) Kami juga mengambil maklum bahawa penilaian ke atas **Sebut Harga kami akan terjejas atau mungkin tidak dipertimbangkan** sekiranya maklumat-maklumat yang diberikan tidak diisi atau tidak mencukupi atau tiada dokumen sokongan yang lengkap.
- 5) Kami dengan ini mengaku bahawa segala maklumat dan data-data yang dinyatakan adalah betul dan benar belaka. Saya bersetuju MBSJ akan bertindak mengikut budibicaranya untuk mengetahui kedudukan sebenar. Sekiranya mana-mana maklumat didapati tidak benar, MBSJ berhak membatalkan tawaran ini ataupun menarik balik kontrak berkenaan kemudian.



Bil	Perkara / Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga
2	Borang Sebut Harga lengkap diisi (termasuk nilai) dan ditandatangani. <b>(Wajib)</b>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3	Surat Akuan Pembida (Lampiran 6) yang telah siap diisi dan ditandatangani. <b>(Wajib)</b>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4	Borang Pengisytiharan Pemunya Benifisial - (Lampiran 12) yang telah siap diisi dan ditandatangani. <b>(Wajib)</b>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Permerdagangan Orang dan Buruh Paksa (Lampiran 13) yang telah siap diisi dengan ditandatangani <b>(Wajib)</b>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6	<b>Salinan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate TCC) dari Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia</b> bagi tahun kelender semasa dan <b>berstatus 'PATUH'</b> – sila rujuk Garis Panduan Operasi Bil 1. Tahun 2025 Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia di Lampiran Arahan Kepada Petender. <b>(Wajib)</b>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7	Salinan Borang D atau Borang E bagi Kontraktor/ Pembekal berdaftar dengan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956. <b>Atau :</b>  Salinan Borang Teras ( <i>Super Form</i> ) bagi Kontraktor/Pembekal berdaftar dengan Akta Syarikat 2016. <b>(Wajib)</b>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat <b>dan/atau</b> Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputra dari Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>



<b>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</b>	<b>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</b>
<p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam Dokumen Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan (jika ada) adalah benar</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>	<p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil.....(Jika ada)</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama:</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>

\* Sila potong mana tidak berkenaan



**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

**BAHAGIAN B**

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

**- LAMPIRAN 6 -**

### SURAT AKUAN PEMBIDA

Bagi

**SEBUT HARGA BAGI : PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN LAMAN SUKAN MBSJ TAMAN UNIVERSITI INDAH, SERI KEMBANGAN, SELANGOR DARUL EHSAN.**

**MBSJ.KUB.400-5/6/644**

Saya, ..... (Nama Wakil Syarikat) No. Kad Pengenalan ..... yang mewakili ..... (Nama Syarikat) nombor Pendaftaran ..... (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB) dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. Tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa - apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. Tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa :

- 3.1 Saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan\* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau
- 3.2 Tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk

mematuhi perkara (ii) dalam Surat Akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat\*\* memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan : .....

Nama : .....

No.KP : .....

Tarikh : .....

Cap Syarikat : .....

## Catatan:

- (i) \*Termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574] .
- (ii) \*\*Seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.



## **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

### **BAHAGIAN C**

#### **BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL (LAMPIRAN 12)**

### BORANG PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN LAMAN SUKAN MBSJ TAMAN UNIVERSITI INDAH, SERI KEMBANGAN, SELANGOR DARUL EHSAN.**

**MBSJ.KUB.400-5/6/644**

Saya ..... nombor kad pengenalan ..... yang mewakili syarikat ..... nombor pendaftaran ..... (\*MOF/CIDB/SSM) dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa pemunya benefisial syarikat seperti mana diisytiharkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) seperti di Lampiran A dan senarai pemunya benefisial tambahan bagi kontrak ini (jika ada) adalah seperti berikut:

**a) Butiran Pemunya Benefisial (Individu):**

<b>Nama Individu</b>	<b>No. Kad Pengenalan / No. Pasport</b>	<b>Kewarganegaraan</b>

**b) Butiran Pemunya Benefisial (Syarikat):**

<b>Nama Syarikat</b>	<b>No. Pendaftaran (MOF/CIDB/SSM) atau No. Pendaftaran Bagi Syarikat Asing</b>	<b>Lokasi Syarikat (Nama Negara)</b>

[Berdasarkan Akta Syarikat (pindaan) 2024 [Akta A1701] dan garis panduan yang disediakan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)]

Yang Benar,

.....  
(Nama dan No. KP)

Cap Syarikat :

Catatan: \* Potong yang mana tidak berkenaan

BP 1



**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

**BAHAGIAN D**

**SURAT AKUAN SYARIKAT  
(LAMPIRAN 13)**

**SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENYAH  
PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA**

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN LAMAN SUKAN  
MBSJ TAMAN UNIVERSITI INDAH, SERI KEMBANGAN, SELANGOR DARUL EHSAN**

**MBSJ.KUB.400-5/6/644**

Saya, ..... (Nama Wakil Syarikat)  
..... No. Kad Pengenalan ..... yang mewakili  
..... (Nama Syarikat)  
..... nombor Pendaftaran  
..... (MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB)

..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau  
mana-mana orang yang mewakili syarikat ini akan :

- i. Mendidik pekerja dan ahli organisasi mengenai cara mengenal pasti dan melaporkan tanda-tanda pemerdagangan orang dan buruh paksa;
- ii. Meningkatkan kesedaran tentang hak pekerja, perlindungan dan akses kepada remedi;  
dan
- iii. Memastikan pematuhan kepada undang-undang mengenai jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa selaras dengan Akta Antipemerdagangan Orang dan Anti penyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam jenayah pemerdagangan orang dan buruh paksa, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Anti pemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] dan Akta Kerja 1955 [Akta 265] serta mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

Yang benar,

Tandatangan : .....  
Nama : .....  
No. KP : .....  
Tarikh : .....  
Cap Syarikat : .....



## **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

### **BAHAGIAN E**

#### **ARAHAN KEPADA PETENDER**



## **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

### **BAHAGIAN F**

### **BORANG SEBUT HARGA**

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BORANG SEBUT HARGA

**SEBUT HARGA : PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN BAGI PERSEKITARAN LAMAN SUKAN MBSJ TAMAN UNIVERSITI INDAH, SERI KEMBANGAN, SELANGOR DARUL EHSAN**

Kepada:  
Datuk Bandar,  
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Saya/Kami yang bertandatangan di bawah ini, telah meneliti serta memahami segala syarat-syarat dan senarai kuantiti serta penentuan perkhidmatan, dengan ini menawarkan diri untuk melaksanakan perkhidmatan tersebut dengan sempurna dan memuaskan dengan jumlah tawaran harga sebanyak : (Ringgit Malaysia : (.....) ..... RM .....) bagi tempoh perkhidmatan (ditetapkan) adalah selama **dua (2) tahun**.

Saya/Kami bersetuju untuk menandatangani surat perjanjian dalam tempoh empat belas (14) hari sekiranya sebut harga ini diterima, bersetuju dengan apa-apa syarat sebut harga yang ditetapkan secara bertulis dan bersetuju bahawa tempoh sah laku sebut harga ini akan dibuka selama sembilan puluh (90) hari dari tarikh sebut harga ini ditutup.

Saya/ Kami bersetuju Sebut Harga ini ditolak sekiranya melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Saya/ Kami bersetuju menyerahkan **Bon Pelaksanaan** dan ia hendaklah meliputi keseluruhan tempoh kontrak dengan memilih dalam bentuk sama ada:

- a) Jaminan Bank/ Bank Islam/ Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB)/ Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME) atau
- b) Jaminan Syarikat Kewangan atau
- c) Jaminan Insurans/ Takaful

Saya/Kami bersetuju sebut harga ini ditolak sekiranya melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.

Petender akan **menanggung Fi penyediaan Dokumen Perjanjian** sepertimana ditetapkan oleh pihak MBSJ. Sila rujuk **Jadual Fi Bayaran di Perkara 21.0 dalam Arahan Kepada Petender**.

Bertarikh ..... Haribulan ..... 2025.

.....  
(Tandatangan Petender)

Nama Penuh :  
No. K/P :  
Alamat :  
No. Telefon :  
Atas Sifat :

.....  
Meteri atau Cap Petender

.....  
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh :  
No. K/P :  
Alamat :  
No. Telefon :



## **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

### **BAHAGIAN G**

#### ***PREAMBLES***

**PREAMBLES**

**TAJUK HARGA SEBUT : PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN LAMAN SUKAN MBSJ TAMAN UNIVERSITI INDAH, SERI KEMBANGAN, SELANGOR DARUL EHSAN**

**NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/644**

<b>BIL.</b>	<b><i>PREAMBLES</i></b>
A	<p>Petender hendaklah menyediakan Perlindungan **Takaful/Insurans Tanggungan Awam dan Pampasan Pekerja sebelum melaksanakan perkhidmatan ini. (rujuk Perkara 23 dalam Arahan Kepada Petender).</p> <p>** Walau bagaimanapun, adalah digalakkan untuk mengambil Pelan Perlindungan Takaful berbanding Pelan Perlindungan Insurans.</p>
B	<p>Petender hendaklah menyediakan Bon Pelaksanaan (<i>Performance Bond</i>) dalam bentuk Bank / Islamic Bank / BPIMB / Insurans / Takaful atau Jaminan Syarikat Kewangan bagi perkhidmatan yang kontraknya bernilai melebihi RM200,000.00 (rujuk kepada Perkara 12 dalam Arahan Kepada Petender)</p>
C	<p>Petender hendaklah menyediakan kelengkapan kebersihan dan peralatan yang lengkap untuk melaksanakan perkhidmatan pembersihan ini. (rujuk Penentuan Perkhidmatan untuk keterangan lebih lengkap).</p>
D	<p>Petender dinasihatkan untuk membaca dan memahami segala isi kandungan Dokumen Sebut Harga ini. Ini adalah bertujuan agar kontraktor dapat menjalankan semua Perkhidmatan ini mengikut arahan dan penentuan perkhidmatan sepertimana yang telah ditetapkan.</p>
E	<p>Kontraktor pada setiap masa, perlu merujuk kepada Pegawai Penguasa atau wakilnya sekiranya terdapat permasalahan di tapak.</p>
F	<p>Lain-lain tanggungjawab di dalam melaksanakan Perkhidmatan penyelenggaraan pembersihan serta makluman kepada Petender adalah seperti di Penentuan Perkhidmatan.</p>

<b>BIL.</b>	<b>HURAIAN</b>
A	<p data-bbox="360 405 1159 443"><b>AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018 (Akta SST 2018)</b></p> <ol data-bbox="360 478 1500 1205" style="list-style-type: none"><li data-bbox="360 478 1500 548">1. Semua tawaran harga secara Sebut Harga yang dikemukakan oleh Petender hendaklah TANPA KENAAN SST.</li><li data-bbox="360 590 1500 695">2. Petender hendaklah mengisytiharkan status pendaftaran dan mengemukakan nombor pendaftaran SST kepada pihak Majlis sekiranya mengenakan caj SST kepada pihak Majlis.</li><li data-bbox="360 737 1500 842">3. Sekiranya Petender yang berjaya adalah berdaftar dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM), pihak Majlis akan mengeluarkan Surat Setuju Terima kepada Petender yang berjaya dengan tawaran harga termasuk kenaan SST.</li><li data-bbox="360 884 1500 1094">4. Bagi Petender yang mengisytiharkan tidak dikenakan cukai di bawah Akta SST, namun akan menjadi syarikat yang berdaftar SST telah ditawarkan perolehan tersebut, maka pihak Petender hendaklah memaklumkan dengan segera kepada pihak Majlis berkenaan perubahan status pendaftaran syarikat tersebut di bawah Akta SST. Pelarasan harga kenaan SST tersebut akan dimuktamadkan oleh Pegawai Penguasa (P.P)</li><li data-bbox="360 1136 1500 1205">5. Harga adalah dalam Ringgit Malaysia termasuk Cukai dan Duti Kerajaan. Kadar harga tersebut adalah tetap di sepanjang tempoh kontrak.</li></ol>



## **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

### **BAHAGIAN H**

#### **RINGKASAN SEBUT HARGA**

## RINGKASAN SEBUT HARGA

**NO. SEBUT HARGA :** MBSJ.KUB.400-5/6/644

**TAJUK :** PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN LAMAN SUKAN MBSJ TAMAN UNIVERSITI INDAH, SERI KEMBANGAN, SELANGOR DARUL EHSAN

BIL	HURAIAN	JUMLAH SEBULAN (RM)	BULAN	JUMLAH 2 TAHUN ( RM)
1.0	PENYEDIAAN PAPAN TANDA MAKLUMAN	-	-	
2.0	PENYEDIAAN LAPORAN DAN KELENGKAPAN KEBERSIHAN		x 24	
3.0	PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN LAMAN SUKAN		x 24	
4.0	PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LAMAN SUKAN		x 24	
<b>JUMLAH KESELURUHAN DIBAWA KE BORANG SEBUT HARGA (RM)</b>				

**RINGGIT MALAYSIA :** .....

.....

**TEMPOH PERKHIDMATAN (DITETAPKAN) : DUA (2) TAHUN**

.....

Tandatangan Petender

Nama Penuh : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Alamat : .....

.....

.....

Cap Rasmi : .....

No. Telefon : .....

Tarikh : .....

.....

Tandatangan Saksi

Nama Penuh : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Alamat : .....

.....

.....

No. Telefon : .....

Tarikh : .....



## **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

### **BAHAGIAN J**

#### **SENARAI KUANTITI**

**SENARAI KUANTITI**

**NO. SEBUT HARGA : MBSJ.KUB.400-5/6/644**

**TAJUK : PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN LAMAN SUKAN MBSJ TAMAN UNIVERSITI INDAH, SERI KEMBANGAN, SELANGOR DARUL EHSAN**

BIL	HURAIAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH (RM)
1.0	<b>PENYEDIAAN PAPAN TANDA MAKLUMAN</b>				
A	Membekal dan memasang papan tanda makluman berkaitan perkhidmatan penyelenggaraan ini sepanjang tempoh kontrak mengikut spesifikasi yang ditetapkan seperti gambar yang dilampirkan dan membuka semula papan tanda tersebut serta memperbaiki apa-apa kecacatan disebabkan perkara tersebut.	NOS	1	.....	.....
<b>JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)</b>					

BIL	HURAIAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH SEBULAN (RM)
2.0	<p><b>PENYEDIAAN LAPORAN DAN KELENGKAPAN KEBERSIHAN LAPORAN BULANAN</b></p> <p>A Menyediakan Laporan Bulanan bagi menunjukkan perkhidmatan dan penyelenggaraan pembersihan ini telah dilaksanakan iaitu yang mengandungi gambar mengikut senarai lokasi dan lain-lain berkaitan dengan anggaran sekurang-kurangnya <b>enam (6) helaian muka surat.</b></p> <p><b>KELENGKAPAN KEBERSIHAN</b></p> <p>Menyediakan kelengkapan kebersihan seperti dinyatakan di bawah dan hendaklah memastikan ianya sentiasa mencukupi. Kekerapan membersihkan hendaklah merujuk kepada Penentuan Perkhidmatan.</p> <p><b>Laman Sukan MBSJ Taman Universiti Indah</b></p> <p>B Plastik sampah warna hitam, saiz 75cm x 90cm, <i>High Density Polyethylene</i> (1 bag = 10 helai)</p> <p>C Plastik sampah warna biru, saiz 47cm x 54cm, <i>High Density Polyethylene</i> (1 bag = 10 helai)</p>	SET	1	.....	.....
		NOS	10	.....	.....
		NOS	10	.....	.....
<b>JUMLAH DI BAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)</b>					

BIL	HURAIAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH SEBULAN (RM)
3.0	<p><b>PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN LAMAN SUKAN</b></p> <p><b>Laman Sukan MBSJ Taman Universiti Indah</b></p> <p>A Menyediakan <b>dua (2) orang</b> buruh am dalam melaksanakan perkhidmatan pembersihan di Padang Bola Sepak, gelanggang futsal, gelanggang bola keranjang, taman rekreasi dan persekitaran. kekerapan membersih hendaklah merujuk kepada Penentuan Perkhidmatan.</p>	Bulan	1	.....	.....
<b>JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)</b>					

BIL	HURAIAN	UNIT	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH SEBULAN (RM)
<b>4.0</b>	<b>PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN LAMAN SUKAN</b>  <b>(Anggaran luas, 184 meter X 85 meter = 15,640 M<sup>2</sup>)</b>				
A	Perkhidmatan pemotongan rumput di luar kawasan padang menggunakan mesin jenis sandang atau setaraf	M2	9,340	.....	.....
B	Perkhidmatan penyiraman rumput di padang bola sepak dengan kekerapan <b>dua (2) kali seminggu</b>	Bulan	1	.....	.....
C	Perkhidmatan memotong rumput di dalam padang bola sepak dengan menggunakan mesin jenis tolak atau setaraf <b>(90 meter X 70 meter).</b>	M2	6,300	.....	.....
D	Perkhidmatan kawalan rumput asing dan rumpai padang bola sepak dengan kekerapan <b>dua (2) kali sebulan</b>	Bulan	1	.....	.....
E	Perkhidmatan membaja padang bola sepak (jenis NPK 15:15:15)	Beg	4	.....	.....
F	Mengecat garisan putih padang bersaiz 3 inci lebar dan lain-lain kerja berkaitan. (Anggaran 40 liter – Rujuk Penentuan Perkhidmatan)	M	630	.....	.....
G	Perkhidmatan pelupusan sampah sisa ke tapak pelupusan di bawah Worldwide Sdn. Bhd	Trip	2	.....	.....
<b>JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN SEBUT HARGA (RM)</b>					



# **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

## **BAHAGIAN J**

### **PENENTUAN PERKHIDMATAN**

## PENENTUAN PERKHIDMATAN

### 1.0 PERSEDIAAN AWALAN

1.1. Pihak petender hendaklah menyediakan perkara-perkara berikut bagi melaksanakan perkhidmatan ini iaitu :-

1.1.1 Kontraktor hendaklah menyediakan Perlindungan Insurans/Takaful Tanggungan Awam sebelum melaksanakan perkhidmatan ini. (rujuk Perkara 23 dalam Arahan Kepada Petender).

1.1.2 Kontraktor hendaklah menyediakan menyediakan Bon Perlaksanaan (Performance Bond) dalam bentuk Bank / Islamic Bank / BPIMB / Insurans / Takaful atau Jaminan Syarikat Kewangan bagi perkhidmatan yang kontraknya bernilai melebihi RM200,000.00 (rujuk kepada Perkara 12 dalam Arahan Kepada Petender).

1.1.3 Menyediakan Laporan Bulanan yang mengandungi gambar mengikut senarai lokasi dan lain-lain berkaitan bagi perkhidmatan ini dengan anggaran **enam (6)** helaian muka surat.

1.1.4 Membekal dan memasang **satu (1) unit** papan tanda makluman berkaitan perkhidmatan ini sepertimana gambar yang dilampirkan.

1.1.5 Petender hendaklah menyediakan peralatan yang lengkap untuk melaksanakan perkhidmatan pembersihan ini seperti berikut:

- a) Cangkul (2 unit)
- b) Mesin Rumput Jenis Tolak (1 unit)
- c) Mesin Rumput Jenis Sandang (1 unit)
- d) Mesin Baja (*Spreader Machine*) (1 unit)
- e) Set Mesin Membuat Garisan (*Truline Machine*) (1 unit)
- f) Penyapu (4 unit)
- g) Pencakar (2 unit)
- h) Kereta Sorong (1 unit)

## 2.0 PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN

### i. PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN DAN KEBERSIHAN PERSEKITARAN LAMAN SUKAN MBSJ TAMAN UNIVERSITI INDAH, SERI KEMBANGAN, SELANGOR DARUL EHSAN.

- 2.1 Memastikan keseluruhan ruang kemudahan sentiasa bersih dan tiada sampah bertaburan sepanjang masa dengan perkhidmatan penyapuan sampah dijalankan setiap sehari atau setiap kali ternampak sampah.
- 2.2 Menjalankan perkhidmatan mencuci dan membersihkan lantai gelanggang sukan sebanyak dua (2) kali sehari atau setiap kali ada kekotoran.
- 2.3 Mengelap dan mencuci keseluruhan peralatan gelanggang sukan dan taman permainan dan yang berkaitan dengannya, setiap hari atau setiap kali ada kekotoran.
- 2.4 Membuang sawang dan sampah setiap hari.
- 2.5 Membantu mengangkat dan mengemas segala peralatan atau lain-lain yang berkaitan dengan aktiviti MBSJ yang dijalankan. Perkhidmatan dijalankan sebelum dan selepas aktiviti diadakan.
- 2.6 Perkhidmatan pembersihan di semua tempat hendaklah menggunakan bahan pencuci yang dibenarkan. Pencucian dan pembersihan hendaklah merangkumi perkara-perkara berikut:
  - 2.6.1 Menanggal, mencuci, dan menyapu kotoran seperti debu, tanah, lumpur, dan sebagainya (sampah sarap).
  - 2.6.2 Menanggal, mencuci, dan menyapu daki kotoran (*external stains*) di semua permukaan di mana-mana berkenaan.
  - 2.6.3 Membersih pelbagai jenis permukaan supaya selamat digunakan, selesa, dan sempurna.
  - 2.6.4 Membersihkan dengan cara tidak merosakkan semua peralatan dan permukaan.
- 2.7 Perkhidmatan pembersihan di semua tempat hendaklah dilakukan tanpa sebarang gangguan kepada pengguna.
- 2.8 Menyediakan tong sampah secukupnya dan menggunakan karung plastik untuk pelupusan sampah.
- 2.9 Mengangkat dan membuang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan di tempat pembuangan sampah termasuk membasuh tempat pembuangan sampah dua (2) kali sehari atau setiap kali sampah diangkat oleh pihak kontraktor pembersihan yang dilantik oleh pihak Majlis.

- 2.10 Kontraktor dikehendaki membersihkan dan menyapu keseluruhan kawasan gelanggang sukan, taman permainan dan lain-lain kawasan lain sebanyak dua (2) kali sehari termasuk mengutip dan mengangkat sampah sarap seperti plastik, kertas, kaca, batu, tin minuman, daun kering, najis, bangkai binatang, dan lain-lain. Sampah ini mesti dibersihkan dan dimasukkan ke dalam plastik berwarna biru dan hendaklah dibuang di tempat pembuangan sampah.
- 2.11 Kontraktor dikehendaki menyediakan tenaga buruh seperti berikut bagi melaksanakan perkhidmatan pembersihan di lokasi ini :

LOKASI	PEKERJA	JUMLAH PEKERJA	HARI	WAKTU / MASA
<b>LAMAN SUKAN MBSJ TAMAN UNIVERSITI INDAH</b>	Buruh Am	<b>2</b>	Isnin – Ahad	8.00 pagi – 6.00 petang

- 2.12 Tanggungjawab pentender di dalam melaksanakan perkhidmatan pembersihan adalah seperti berikut:
- 2.12.1 Tenaga pekerja yang disediakan hendaklah berusia tidak melebihi 60 tahun, disahkan sihat, mampu, dan berupaya untuk bekerja setiap hari (30) hari termasuk hari Sabtu, Ahad, dan Cuti Umum/Am.
- 2.12.2 Pentender dikehendaki mengadakan dan menyediakan dengan secukupnya keperluan peralatan kerja tiap-tiap hari bekerja iaitu penyediaan peralatan pembersihan seperti *mopping equipment*, tong sampah kecil dalam tandas, pengelap cermin, dan lain-lain peralatan yang berkaitan.
- 2.13 Pentender dikehendaki menjalankan perkhidmatan pembersihan adalah seperti berikut:
- 2.13.1 Membersih segala peralatan, papan tanda, dan lain-lain 1 kali dalam seminggu.
- 2.13.2 Mengangkat dan membuang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan di tempat pembuangan sampah termasuk membasuh tempat pembuangan sampah – 2 kali sehari dan setiap kali tong sampah penuh.
- Peralatan Kerja  
Kontraktor dikehendaki mengadakan dan menyediakan dengan secukupnya keperluan peralatan kerja tiap-tiap hari bekerja iaitu:
    - a) Peralatan pembersihan seperti mesin rumput (jenis tolak dan sandang), cangkul, kereta sorong, mesin membuat garisan, mesin baja, peralatan siraman, dan lain-lain peralatan yang berkaitan.
- 2.14 Pemotongan RM50.00 akan dilaksanakan sekiranya sampah tidak diangkat.
- 2.15 Kontraktor dikehendaki mengeringkan atau menolak takungan air di gelanggang atau padang yang sediaada jika berlaku hujan lebat yang menyebabkan takungan air.

- 2.16 Membuang apa jua jenis rumpai dan tumbuhan liar yang tumbuh di sepanjang pagar sekeliling kawasan Padang Bola Sepak MBSJ.
- 2.17 Menyusun dan mengemas semula peralatan yang digunakan di dalam Padang Bola Sepak MBSJ seperti memasang net tiang gol dan lain-lain peralatan yang berkaitan.
- 2.18 Papan Tanda Informasi Kerja hendaklah di pasang di tempat yang senang dilihat. Sila berhubung dengan Pegawai Penguasa sebelum kerja-kerja pemasangan dilakukan.
- 2.19 Kontraktor adalah diwajibkan untuk menyediakan lori (milikan sendiri/ sewa) bagi urusan penghantaran sampah sisa ke tapak pelupusan di bawah Worldwide Sdn. Bhd.
- 2.20 Lori yang akan digunakan bagi penghantaran sisa ke tapak pelupusan adalah dari jenis ro-ro sahaja supaya sisa dapat diuruskan dengan baik dan tidak jatuh/ bersepah di atas jalan raya.
- 2.21 Kontraktor juga perlu mengemukakan slip pelupusan sisa ketika membuat tuntutan bayaran bulanan. Kontraktor perlu mendaftarkan lori yang digunakan ke tapak pelupusan. Kos pelupusan dibayar oleh kontraktor.
- 2.22 Lain-lain kerja pembersihan yang diarahkan oleh Pegawai penguasa mengikut keadaan semasa.

### **3.0 PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN PADANG BOLA SEPAK MBSJ.**

#### **3.1 Perkhidmatan Penyiraman Rumput Kawasan Padang Bola Sepak.**

- 3.1.1 Menyiram bermaksud membekalkan air bersih kepada rumput di permukaan padang dengan kaedah dan kadar yang tertentu.
- 3.1.2 Banyaknya air yang diperlukan oleh rumput berbeza kerana bergantung kepada jenis, keadaan tanah, dan perubahan cuaca. Menyiram tidak boleh dibuat secara berlebihan untuk memulihkan rumput. Cara penyiraman juga tidak boleh membazirkan air kerana ia boleh menyebabkan rumput mati lemas.
- 3.1.3 Menyiram air dengan menggunakan tenaga manusia adalah tidak digalakkan kerana paling tidak konsisten dalam tugas menjaga/menyelenggara padang. Penyiraman hendaklah menggunakan '*water sprinkler*' di padang.



- 3.1.4 Penyiraman yang dibuat mestilah rata dan menyeluruh.
- 3.1.5 Kadar penyiraman adalah **2 kali seminggu** termasuk Cuti Am/Umum sekiranya keadaan memerlukan. Walau bagaimanapun, penyiraman adalah tidak diperlukan sekiranya hujan sepanjang hari pada hari tersebut.
- 3.1.6 Kontraktor adalah diminta berhubung dengan pihak MBSJ sebelum perkhidmatan penyiraman dibuat bagi memastikan kadar dan kaedah yang digunakan.
- 3.1.7 Pihak kontraktor dikehendaki mendapatkan sendiri/mencari punca-punca air untuk tujuan siraman. Segala kos penyelenggaraan adalah ditanggung oleh pihak kontraktor.
- 3.1.8 Pembersihan, mencuci dan membuang segala kekotoran yang terdapat di dalam kawasan padang pada setiap hari bagi memastikan keadaan padang sentiasa bersih dari sebarang kekotoran.
- 3.1.9 Segala sampah sarap yang dikumpulkan perlulah dibuang dengan segera ke kawasan pelupusan sampah.

## 3.2 Kerja-kerja Pemotongan Rumput Padang Bola Sepak.

- 3.2.1 Memotong rumput adalah kerja-kerja membuat pemotongan rumput dengan menggunakan alat-alat yang sesuai dan tajam bagi menjamin hasil kerja yang memuaskan.
- 3.2.2 Perkhidmatan memotong rumput sebaiknya dilakukan pada sebelah pagi. Sila pastikan permukaan padang kering sebelum perkhidmatan pemotongan dilakukan.
- 3.2.3 Sekiranya permukaan padang basah, jadual pemotongan perlu diubah kepada waktu petang.
- 3.2.4 Panjang rumput bagi sesebuah padang adalah sebaik-baiknya antara 1" – 1½". Walau bagaimanapun, pihak kontraktor dikehendaki menghubungi pihak MBSJ sebelum sesuatu pemotongan itu dibuat bagi memastikan ketinggian pemotongan yang akan dibuat. Sekiranya keadaan rumput masih pendek dan tidak memerlukan pemotongan, pihak MBSJ akan meminta pusingan pemotongan itu ditangguhkan atau dibatalkan tanpa mengubah jumlah harga kontrak.

- 3.2.5 Perkhidmatan memotong rumput mestilah dibuat dengan menggunakan mesin-mesin rumput yang sesuai yang dibenarkan oleh pihak MBSJ.
- 3.2.6 Memotong rumput yang dibenarkan adalah menggunakan pisau (*blade*) jenis *rotary* sahaja. **Pemotongan menggunakan mesin sandang adalah dilarang untuk keseluruhan kawasan dalam padang, kecuali bagi kerja pemotongan rumput bagi tujuan perapian seperti pemotongan rumput di tepi tiang gol.**
- 3.2.7 Penggunaan apa jenis mesin pemotong rumput sekalipun hendaklah dari jenis yang ringan. Menggunakan mesin-mesin pemotong yang berat seperti traktor tidak dibenarkan kerana ia mengakibatkan tanah padang menjadi padat.



- 3.2.8 Kontraktor mestilah memastikan agar kawasan pemotongan disapu dan dibersihkan setiap kali selepas pemotongan dibuat.
- 3.2.9 Kadar pemotongan rumput adalah **dua (2)** kali sebulan dan pihak kontraktor dikehendaki mengikut jadual pemotongan yang disediakan mengikut hari-hari tertentu.
- 3.2.10 Pemotongan menggunakan mesin sandang hanya dibenarkan di luar kawasan padang sahaja.

### 3.3 Kawalan Serangan Perosak, Rumput Asing, dan Rumpai.

- 3.3.1 Merumpai bermaksud mencabut dan membuang rumput-rumput yang tidak berkenaan di kawasan padang. Rumput rampai tersebut hendaklah dicabut termasuk akar umbinya, dikumpulkan, dan dibuang.
- 3.3.2 Rumput yang dibenarkan hidup di dalam kawasan padang adalah hanya '*cow grass*' atau ***Axonopus Compressus*** sahaja. Rumput-rumput jenis yang lain perlu dimusnahkan sama sekali.
- 3.3.3 Jika ianya tidak banyak boleh dilakukan dengan mencabut sebatang demi sebatang. Sekiranya rumput rampai tersebut didapati tumbuh dengan banyak di kawasan-kawasan tersebut, maka rumput bagi kawasan-kawasan yang berkenaan perlu dibuang dan ditanam semula.
- 3.3.4 Kawalan serangan/penyakit perlu dilakukan sekiranya perlu dan ada tanda-tanda serangan.

- 3.3.5 Kaedah pengawalan mestilah menggunakan racun yang dikenalpasti dan menggunakan kadar dan spesifikasi yang ditetapkan oleh label racun dengan persetujuan pihak MBSJ.
- 3.3.6 Kadar kerja yang dijangkakan adalah **dua kali dalam sebulan**.

### 3.4 Perkhidmatan Pembajaan.

- 3.4.1 Membaja bermaksud membekalkan baja dengan kadar yang ditetapkan mengikut kaedah dan spesifikasi yang ditetapkan.
- 3.4.2 Baja-baja untuk rumput yang boleh digunakan di pasaran hari ini sama ada dalam bentuk *powder* ataupun bijian.
- 3.4.3 Cara membaja rumput juga perlu dibuat dengan cermat dan teliti bagi memastikannya supaya permukaan padang mendapat baja yang serata bagi mendapatkan rumput yang seragam warnanya dan subur.
- 3.4.4 Untuk menentukan keseluruhan permukaan padang mendapat baja, maka penggunaan seperti alat menabur baja '*spreader*' adalah dimestikan. Di samping itu menabur baja dengan menggunakan tangan adalah sama sekali **tidak dibenarkan**.
- 3.4.5 Mesin yang disyorkan untuk perkhidmatan pembajaan adalah **Mesin Fertilizer Spreader, Model 76 – 22**.



- 3.4.6 Faktor penting yang mesti diberi perhatian dan tindakan selepas pembajaan ialah menyiram air secukupnya di permukaan padang bagi mengelakkan rumput menjadi kuning dan mati.
- 3.4.7 Kadar membaja adalah **sekali** dalam sebulan (**1 kali sebulan**). Walau bagaimanapun, kekerapan ini boleh ditambah menjadi 2 kali sebulan sekiranya padang tersebut terlalu kerap digunakan dan kontraktor mestilah melakukan perkhidmatan tambahan pembajaan ini tanpa sebarang tambahan kos.

3.4.8 Jenis dan kadar penggunaan baja adalah seperti berikut:

LOKASI PADANG	JENIS BAJA (50kg setiap beg)	JUMLAH BEG BAJA
<b>LAMAN SUKAN MBSJ TAMAN UNIVERSITI INDAH</b>	NPK 15 : 15 : 15	4 beg sebulan



### 3.5 Perkhidmatan Membuat Garisan Gelanggang Bola Sepak.

3.5.1 Garisan gelanggang bola sepak yang dibuat perlulah menggunakan bahan-bahan yang boleh memudahkan penglihatan pemain, pengadil mahupun penonton. Cat putih yang disyorkan adalah dari jenis **Matex Paint 9002** atau setaraf (10 liter).

3.5.2 Kekerapan membuat perkhidmatan membuat garisan gelanggang bola sepak adalah sekurang-kurangnya **1 kali seminggu**. Kerja-kerja ini mungkin bertambah jika didapati garisan yang dibuat hilang atau pudar.

### 3.6 Lain-lain Kerja Berkaitan.

Pihak kontraktor perlu menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan Penyelenggaraan Padang Bola Sepak MBSJ jika diarah berbuat demikian.

### 3.7 Pakaian Seragam.

Kontraktor hendaklah menyediakan pakaian seragam sebagai tanda pengenalan terhadap semua pekerja yang bertugas dalam kontrak ini.

### 3.8 Punca Air.

Kontraktor dikehendaki mencari sendiri sumber air untuk tujuan perkhidmatan penyiraman. Kontraktor tidak dibenar sama sekali mengambil air daripada saluran pemadam api. Arahan ini hendaklah disampaikan kepada pekerja-pekerja dan hendaklah diulang dari semasa ke semasa.

## **3.9 Tuntutan Gantirugi Ke Atas Kerugian Atas Kegagalan Pelaksanaan Kerja Kontraktor Atau Kecuaian.**

- 3.9.1 Kontraktor akan membayar gantirugi kepada pihak MBSJ dikira berdasarkan kepada kos kerugian sekiranya ianya terbukti disebabkan oleh kontraktor yang gagal melaksanakan tanggungjawab kontrak ini atau atas sebab kecuaiannya.
- 3.9.2 Sekiranya pihak MBSJ terpaksa membuat sendiri atau memanggil kontraktor lain dalam melaksanakan perkhidmatan dalam kontrak ini, kos tersebut akan dituntut dari kontraktor dan kontraktor berkenaan mesti menanggungnya.
- 3.9.3 Kontraktor dikehendaki mengenalpasti sendiri lokasi-lokasi punca air tersebut untuk membuat perancangan sendiri bagaimana perkhidmatan penyelenggaraan akan dijalankan. Pihak MBSJ boleh memberikan kebenaran penggunaan air tanpa mengenakan sebarang bayaran tetapi tertakluk kepada syarat-syarat yang ditentukan.



# MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

---

## BAHAGIAN L

### KADAR DENDA

## 1.0 KADAR DENDA BAGI PERKHIDMATAN YANG TIDAK MENGIKUT PERINCIAN.

<b>1.1</b>	<b>POTONG RUMPUT</b>	
	1.1.1 Rumput yang tidak dipotong.	RM50.00 bagi setiap 100 kaki persegi.
	1.1.2 Potongan tidak sempurna dan tidak dibersihkan.	RM50.00 bagi setiap 100 kaki persegi.
	1.1.3 Rumput yang telah dipotong tidak dikutip.	RM50.00 satu beg hitam besar.
<b>1.2</b>	<b>PEMBAJAAN</b>	
	1.2.1 Padang Tidak Dibaja.	Mengikut kadar semasa harga baja.
<b>1.3</b>	<b>CUCI / SAPU KAWASAN</b>	
	1.3.1 Kawasan tidak disapu/dibersihkan.	RM50.00 bagi setiap 100 kaki persegi keluasan lantai.
	1.3.2 Sampah-sampah sapuan dibiarkan berlonggokan.	RM50.00 satu beg hitam besar.
<b>1.4</b>	<b>TONG SAMPAH KECIL / BESAR</b>	
	1.4.1 Tong sampah kecil tidak dibersihkan.	RM50.00 satu tong kecil.
<b>1.5</b>	<b>PEKERJA</b>	
	1.5.1 Bilangan pekerja tidak mencukupi.	RM50.00 seorang.
	1.5.2 Pekerja tidak memakai jaket/pakaian pekerja.	RM50.00 seorang
<b>1.6</b>	<b>BANGKAI BINATANG</b>	
	1.6.1 Tidak diangkat dengan segera	RM100.00 seekor.
<b>1.7</b>	<b>DAYA KECEKAPAN PENTENDER</b>	
	1.7.1 Kakitangan tidak memakai pakaian seragam yang ada nama syarikat.	RM50.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis.
	1.7.2 Kecekapan dan keberkesanan mengatasi aduan kebersihan.	RM50.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis.
<b>1.8</b>	<b>PEMBAIKAN KEROSAKAN KECIL</b>	
	1.8.1 Tidak membuat aduan bertulis.	RM50.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis
<b>1.9</b>	<b>RUMPUT ASING DI PADANG BOLASEPAK</b>	
	1.9.1 Tidak mencabut dan membuang rumput-rumput/ rampai yang tidak berkenaan di kawasan padang	RM 50.00 bagi setiap 100 kaki persegi
<b>1.10</b>	<b>MEMBUAT GARISAN GELANGGANG</b>	
	1.10.1 Tidak membuat garisan gelanggang	Mengikut kadar semasa harga cat.
	1.10.2 Garisan gelanggang cepat pudar akibat penggunaan cat yang cair	RM 50.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis
	1.10.3 Garisan gelanggang yang tidak sempurna atau tidak lurus	RM 50.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis
<b>1.11</b>	<b>PENYIRAMAN RUMPUT DI PADANG BOLASEPAK</b>	
	1.11.1 Tidak membuat kerja penyiraman rumput menggunakan "water sprinkler"	RM 50.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis





## **MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

---

### **BAHAGIAN M**

#### **PELAN LOKASI / GAMBAR**

**PELAN LOKASI,  
LAMAM SUKAN MBSJ TAMAN UNIVERSITI INDAH, SERI  
KEMBANGAN, SELANGOR DARUL EHSAN.**

	<p><b>TANPA SKALA</b></p> <p><b>TAJUK :</b> LOKASI LAMAN SUKAN MBSJ JALAN INDAH 3, TAMAN UNIVERSITI INDAH, SERI KEMBANGAN, SELANGOR DARUL EHSAN.</p>	<p><b>HARTA SUBJEK</b></p>	 <p>DISEDIAKAN OLEH : BAHAGIAN KEMUDAHAN DAN PEMBANGUNAN SUKAN JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA</p>	<p><b>PELAN LOKASI</b></p>
---	--	----------------------------	---	----------------------------



**GAMBAR PADANG BOLA SEPAK LAMAN SUKAN MBSJ TAMAN  
UNIVERSITI INDAH, SERI KEMBANGAN, SELANGOR DARUL  
EHSAN.**




PLG 2


**GAMBAR GELANGGANG BOLA KERANJANG LAMAN SUKAN  
MBSJ TAMAN UNIVERSITI INDAH, SERI KEMBANGAN,  
SELANGOR DARUL EHSAN.**



**GAMBAR GELANGGANG FUTSAL LAMAN SUKAN MBSJ TAMAN  
UNIVERSITI INDAH, SERI KEMBANGAN, SELANGOR SELANGOR  
DARUL EHSAN.**



**SPESIFIKASI PAPAN TANDA MAKLUMAN**



PAPAN TANDA DI LAMAN SUKAN / PADANG AWAM



## MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

---

### BAHAGIAN N

### MAKLUMAT PETENDER